

Program itu dilanjutkan enam bulan lagi sehingga 31 Disember

JKIP tawar 55,000 peluang pekerjaan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR – Program Jamin Kerja-Insentif Penggajian (JKIP) dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang dilanjutkan tempohnya selama enam bulan sehingga 31 Disember ini, menyediakan kira-kira 55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, sasaran itu adalah bagi menyokong matlamat program JKIP untuk mewujudkan sebanyak 300,000 peluang pekerjaan bagi tahun ini.

“Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilan pekerja daripada sektor pelancongan, pekerja yang menggantikan pekerja asing (program Malaysianization), orang kelainan upaya (OKU), wanita dan pekerja yang kehilangan pekerjaan.

“Sehubungan itu, sebanyak RM475 juta daripada RM2 bilion Program JKIP di bawah Bajet 2022 akan disalurkan oleh Perkeso sebagai insentif kepada maji-



ORANG ramai hadir bagi mencari peluang pekerjaan pada Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur pada 25 Julai lalu.

kan yang mewujudkan peluang pekerjaan,” katanya pada sidang akhbar pelanjutan Program JKIP di sini semalam.

Tambah Mohammed Azman, program itu telah membuat

pengambilan kepada seramai 55,000 pekerja daripada golongan mudah terjejas.

Beliau berkata, sepanjang tempoh pelanjutan JKIP ini, syarat permohonan dan kadar

insentif kepada majikan serta bantuan mobiliti kepada pekerja yang diambil adalah kekal seperti sebelum ini.

Dalam pada itu, Mohammed Azman berkata, pihaknya

menyambut baik keputusan kerajaan melanjutkan tempoh pelaksanaan itu memandangkan intervensi dan sokongan amat penting untuk merancakkan pasaran buruh negara lebih-lebih lagi pengangguran berada pada kadar 3.8 peratus.

Ujarnya lagi, Perkeso juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam berkongsi maklumat selain pihak kementerian dan pembuat dasar bagi mengatasi masalah ‘mismatch’ iaitu pekerjaan tidak sepadan ke Layakan.

Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 berlangsung di Pusat Dagangan Dunia (WTC) selama lima hari bermula 23 Julai hingga 27 Julai lalu berjaya mencipta kejayaan apabila membantu seramai 1,712 pencari kerja memperoleh pekerjaan, manakala 10,698 pencari kerja berjaya ke peringkat temu duga kedua.

“Penganjuran program ini telah turut mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* sebagai ekspo kerjaya terbesar pernah dianjurkan di Malaysia,” ujarnya.